



Rujukan Tuan :
No. Rujukan : JPNPP(SUK)600-2/9. Jld.
Tarikh : 2 Januari 2018

Setiausaha
Pertandingan Catur (Kumpulan) USM Antarabangsa Ke-24, 2017 / 2018
Kelab Bridge dan Catur
Universiti Sains Malaysia

Tuan,

**KEBENARAN UNTUK MENJEMPUT MURID SEKOLAH BAGI MENYERTAI
PERTANDINGAN CATUR (KUMPULAN) USM ANTARABANGSA KE-24 2017 / 2018**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada surat permohonan kebenaran yang bertarikh 4 Disember 2017 daripada tuan.

2. Sehubungan itu sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang tiada halangan membenarkan pihak tuan untuk menjemput murid sekolah di Pulau Pinang untuk menyertai pertandingan seperti di atas mngikut ketetapan berikut :-

Tarikh : 1 April 2018
Masa : 7.00 pagi – 7.30 petang
Tempat : Dewan Utama Peperiksaan A, Universiti Sains Malaysia

3. Oleh itu pihak tuan adalah dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:-

- * **Sila bawa surat ini dan edarkannya bersama borang tuan kepada sekolah-sekolah yang terlibat. (pihak persatuan dikehendaki mengedarkan borang)**
- * **Tiada unsur paksaan dalam mendapatkan penyertaan**
- * **Sebarang yuran/ bayaran yang dikenakan adalah tanggungan peserta sendiri dan semua pembayaran perlu dikeluarkan resit resmi.**
- * **Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Pendidikan Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perkara yang tidak diingini jika berlaku.**
- * **Pihak tuan diminta mengambil langkah – langkah keselamatan secukupnya.**
- * **Aktiviti tersebut tidak menjejaskan proses pengajaran & pembelajaran murid-murid dan guru-guru pengiring.**



4. Kerjasama pihak tuan dalam hal ini amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Nagarajan Veloo di talian 04-2285831 / 017-4162303.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”

Saya yang menurut perintah,



(HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI IBRAHIM)

Ketua Unit Sukan

Sektor Pembangunan Kemanusiaan

b.p. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

No. Tel : 04-2285831

No. Faks : 04-2286248

E-mel : abdulhalim@jpnpp.edu.my

s.k.:

1. Pengarah Pendidikan
2. Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan
3. Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut / Barat Daya / Utara / Tengah / Selatan